

Gempa bumi: Malaysia sumbang lebih AS\$2 juta untuk Turkiye, Syria
Astro Awani
08 Februari 2023
Bernama

PUTRAJAYA: Malaysia akan menyalurkan sumbangan lebih AS\$2 juta kepada Turkiye dan Syria bagi membantu mangsa gempa bumi di kedua-dua negara itu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet di sini hari ini, beliau berkata, Jemaah Menteri bersetuju menyediakan AS\$1 juta manakala Sultan Johor, Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar turut berkenan menyumbang AS\$1 juta lagi bagi tujuan tersebut.

Dalam pada itu, katanya, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan juga akan menyumbang RM10 juta yang sebahagian bantuan itu akan disalurkan ke Turkiye dan Syria.

Gempa bumi besar dengan magnitud 7.8 pada skala Richter melanda selatan Turkiye dan barat laut Syria pada Isnin lepas telah meragut beribu nyawa di Turkiye dan Syria. Kesan gegaran gempa itu dilaporkan turut dirasai di Cyprus dan Lebanon.

Sementara itu, Anwar berkata, Malaysia akan menghantar Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) kedua ke Turkiye malam ini untuk menyertai misi mencari dan menyelamat (SAR) mangsa gempa bumi di negara itu.

Pasukan kedua di bawah seliaan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) itu akan dianggotai 70 anggota daripada SMART serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

"Ini kerana pasukan pertama sangat berkesan, Turkiye memohon tambah anggota," katanya.

© 2023 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. 200001032668(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/gempa-bumi-malaysia-sumbang-lebih-2-juta-untuk-turkiye-syria-405603>